

LAMPIRAN PEMBERITAHUAN PRODUK



Pelanggan yang dihormati,

Lampiran Pemberitahuan Produk ini memberikan maklumat penting mengenai insurans Pelan Perlindungan Pembelian anda.

Liberty General Insurance Berhad
197801007153 (44191-P)

Pelanggan lain telah membaca Lampiran Pemberitahuan Produk ini dan mendapati ia bermanfaat; anda juga patut membacanya.

Tarikh: 04/2026

1 Apakah Pelan Perlindungan Pembelian UOB Lady's Solitaire?

Pelan Perlindungan Pembelian UOB Lady's Solitaire akan memberi pampasan kepada Orang Yang Diinsuranskan bagi kerugian atau kerosakan yang berlaku ke atas mana-mana Harta Peribadi yang dibeli di seluruh dunia sekiranya kerugian tersebut berlaku:

- dalam tempoh 30 hari dari tarikh pembelian; dan/atau
- dalam tempoh 30 hari dari tarikh penghantaran bagi item yang dibeli di bawah Program Pemasaran.

Dengan syarat kos pembelian tersebut dicaj kepada kad kredit/kad debit UOB yang ditetapkan, yang selepas ini dirujuk sebagai Kad Pembayaran seperti yang dinyatakan dalam polisi induk ini.

2 Ketahui Perlindungan Anda

Polisi ini **melindungi**:

	Had Perlindungan (RM)	
	Mana-mana satu kejadian	Had Agregat
Kad Pembayaran	RM30,000	RM50,000
Had Geografi	Seluruh Dunia	
Deduktibel	50% daripada amaun kerugian	

Polisi ini **tidak melindungi**:

Kerugian yang disebabkan oleh

- Perang
- Sinaran mengion, tindak balas nuklear, sinaran nuklear atau pencemaran radioaktif
- Rusuhan dan huru-hara awam
- Sebarang perbuatan Keganasan,
 - termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan keganasan dan/atau ancaman daripadanya oleh mana-mana individu atau kumpulan, sama ada bertindak bersendirian atau bagi pihak dengan mana-mana organisasi atau kerajaan, yang dilakukan bagi tujuan politik, agama, ideologi atau tujuan seumpamanya termasuk niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau menakutkan orang awam atau mana-mana bahagiannya.
 - kerugian, kerosakan, kematian, kecederaan, penyakit, kos atau perbelanjaan dalam apa-apa bentuk, sama ada secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh, berpunca daripada atau berkaitan dengan apa-apa tindakan yang diambil untuk mengawal, mencegah, menyekat, atau dengan apa-apa cara yang berkaitan dengannya.
- Penyusutan nilai atau kehilangan kegunaan Harta Peribadi Yang Diinsuranskan atau kerugian turutan dalam apa-apa bentuk
- Liberty General Insurance Berhad tidak akan dianggap menyediakan perlindungan dan tidak akan bertanggungjawab untuk membayar apa-apa tuntutan atau menyediakan apa-apa manfaat di bawah ini setakat mana penyediaan perlindungan tersebut, pembayaran tuntutan tersebut atau penyediaan manfaat tersebut akan mendedahkan Liberty General Insurance Berhad, syarikat induknya atau entiti kawalan muktamadnya kepada apa-apa sekatan, larangan atau pembatasan di bawah resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau sekatan perdagangan/ekonomi, undang-undang atau peraturan Kesatuan Eropah atau Amerika Syarikat.
- Penipuan atau salah nyata yang dibuat oleh Orang Yang Diinsuranskan berkaitan dengan Kad Pembayaran dan/atau polisi ini.

Nota: Senarai ini **tidak lengkap**. Sila rujuk kontrak polisi untuk melihat keseluruhan maklumat polisi ini.

Tempoh perlindungan adalah 1 tahun. Anda perlu memperbaharui polisi anda setiap tahun.

Liberty General Insurance Berhad adalah ahli PIDM. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Liberty General Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berkaitan perlindungan insurans anda, anda boleh:



Hubungi kami di
1 300 88 8990



Layari kami di
www.libertyinsurance.com.my



Emel kami di
customer@libertyinsurance.com.my



Imbas kod
QR di atas

3

Ketahui Kewajipan Anda

Untuk insurans ini berdasarkan ilustrasi, anda mesti membayar premium berikut:	
Faedah dan perlindungan yang disediakan di sini adalah di bawah polisi induk yang diambil oleh bank pengeluar kad kredit untuk manfaat setiap pemegang kad, dan premium dibayar oleh United Overseas Bank (Malaysia) Berhad.	
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:	
Duti Setem	<i>RM10.00 (Ditanggung oleh United Overseas Bank (Malaysia) Berhad)</i>
Komisen	<i>Tidak Berkenaan</i>
Cukai Perkhidmatan	<i>Tertakluk kepada kadar semasa yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia.</i>
Nota: Ini adalah ilustrasi. Jumlah premium yang perlu anda bayar mungkin berbeza bergantung pada perlindungan polisi anda, tahap pendedahan risiko, serta kriteria pengunderaitan Liberty General Insurance Berhad.	

4

Terma-Terma Utama Lain

<ul style="list-style-type: none"> • Kewajipan pendedahan: Anda mesti mendedahkan semua fakta material yang diketahui atau patut diketahui, yang akan menjejaskan pertimbangan pengunderaitan kami terhadap cadangan anda, seperti insurans dan sejarah kerugian anda. Anda mesti mendedahkan semua fakta yang relevan dengan jujur dan lengkap dalam borang permohonan insurans anda. • Perubahan Risiko: Anda mesti memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan material sepanjang tempoh polisi. Ini bagi memastikan pindaan yang diperlukan boleh dibuat dan didokumenkan dalam polisi insurans anda. • Tuntutan: Anda mesti memaklumkan kepada kami tentang tuntutan dalam tempoh 14 hari selepas kejadian, atau secepat yang munasabah jika kelewatan tidak dapat dielakkan. • Harta Peribadi di sini bermaksud sebarang harta peribadi berwujud di mana kos pembelian sepenuhnya atau sebahagian daripadanya telah dicaj kepada kad yang layak dan tidak termasuk dalam harta yang dikecualikan atau dihuraikan dalam "Pengecualian Tambahan" di bawah polisi induk. Contoh harta yang dikecualikan termasuk semua kenderaan/pengangkutan automotif, harta perniagaan, barangan pengguna dan makanan mudah rosak, serta instrumen monetari seperti tunai, mata wang, jongkong/logam berharga, sekuriti dan/atau instrumen boleh dipindah milik. (senarai ini tidak lengkap; sila rujuk kontrak polisi untuk keseluruhan maklumat polisi ini) • Untuk Harta Peribadi dilindungi di bawah polisi ini, kos pembelian sepenuhnya mesti dicaj kepada kad yang layak, tertakluk kepada had dan/atau sub-had yang ditetapkan dalam polisi. • Kad di sini merujuk kepada kad kredit/kad debit yang dinamakan dalam polisi induk ini; hanya kad yang dinyatakan dalam polisi ini yang dilindungi. • Untuk dilindungi dan menerima manfaat-manfaat di bawah Polisi Kemalangan Diri Perjalanan Luar Negara ini, Pemegang Kad/Ahli Kad mesti mengecaj tambang penuh bagi setiap perjalanan ke kad kredit yang disenaraikan dalam Polisi Induk. Perlindungan adalah tertakluk kepada semua terma dan syarat lain. <p>Nota: Senarai ini tidak lengkap. Anda digalakkan untuk merujuk polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.</p>
--



Bolehkah saya batalkan polisi saya?

- Perlindungan di bawah polisi ini adalah di bawah polisi induk di mana United Overseas Bank (Malaysia) Berhad (UOB) ialah pemegang polisi yang membayar premium. Polisi ini hanya boleh dibatalkan oleh pemegang polisi. Pemegang polisi boleh membatalkan Polisi Induk ini pada bila-bila masa melalui notis bertulis yang diserahkan atau diposkan kepada Liberty General Insurance Berhad.
- Sebagai pemegang kad kredit individu, anda tidak boleh membatalkan polisi.